

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)64

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

64. Pusat simpanan bekalan darah untuk negeri ini hanya terdapat di Hospital Pulau Pinang iaitu di bahagian pulau.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan satu lagi pusat simpanan bekalan darah di kawasan Seberang Perai?
 - (b) Adakah hospital kerajaan mempunyai data logistik dan peraturan had limit penyimpanan beg darah?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

64. (a) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) tidak mempunyai cadangan untuk mewujudkan pusat simpanan bekalan darah baharu di kawasan Seberang Perai memandangkan stok bekalan darah disimpan dan diuruskan oleh Tabung Darah Hospital di semua hospital kerajaan di Negeri Pulau Pinang iaitu Hospital Pulau Pinang, Hospital Seberang Jaya, Hospital Bukit Mertajam, Hospital Kepala Batas dan Hospital Sungai Bakap.

Program derma darah amat penting bagi menambah stok bekalan darah. Program ini dilaksanakan sama ada secara berasingan oleh hospital-hospital kerajaan atau melalui jalinan kerjasama dengan pihak badan-badan bukan kerajaan (NGO) mengikut kesesuaian.

Proses kutipan dermaan darah akan dilakukan oleh semua hospital kerajaan di negeri ini. Beg darah yang telah dikumpul akan dihantar ke Hospital Pulau Pinang bagi tujuan pemprosesan dan penyaringan secara bersepadu. Hanya darah yang telah disaring dan selamat digunakan akan dibekalkan kembali kepada semua hospital termasuk hospital atau pusat rawatan swasta yang mempunyai perjanjian persefahaman (MOU) bersama JKNPP berdasarkan keperluan pesakit setempat.

- (b) Semua hospital kerajaan di Negeri Pulau Pinang telah meletakkan dua (2) tanda aras bagi stok bekalan darah iaitu ‘tahap selamat’ dan ‘tahap kritikal’ berdasarkan kegunaan pesakit di hospital masing-masing.

Pada masa ini, tahap kritikal yang telah ditetapkan untuk kegunaan stok bekalan darah di semua hospital Kerajaan

Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 450 beg darah pada setiap masa manakala tahap selamat pula adalah sebanyak 1,100 beg darah berdasarkan *trend* penggunaan darah.

Pemantauan stok bekalan darah dilakukan secara berkala bagi memastikan bekalan darah dapat digunakan secara optimum dan mengelakkan pembaziran. Kempen dan aktiviti derma darah juga turut dilaksanakan untuk memastikan stok bekalan darah sentiasa berada di tahap selamat.